

06 APR 2002

Khalil-Kelab

KELAB UMNO PERLU KUAT UNTUK ELAK PENGARUH PARTI PEMBANGKANG

SURABAYA, 6 April (Bernama) -- Kelab-kelab Umno yang ditubuhkan oleh pelajar dan masyarakat Malaysia di luar negara harus menjadi badan yang kuat bagi mengelak pengaruh parti pembangkang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Katanya anggota Kelab Umno juga perlu membantu menyakinkan masyarakat Melayu di luar negara bahawa mereka tidak mempunyai pilihan lain dalam berjuang untuk memajukan negara melainkan melalui Umno.

"Bagi Umno pusat, kelab-kelabnya di luar negara begitu penting kerana kita mahu terutama pelajar menepati harapan orang tua apabila mereka balik ke tanah air kelak," katanya dalam satu pertemuan dan dialog dengan para pelajar di sini malam tadi.

Hampir 100 mahasiswa dari beberapa institut pengajian tinggi di sini menghadiri "Majlis Beramah-Mesra Bersama Pemimpin" itu yang dianjurkan oleh Kelab Umno di Surabaya, ibu wilayah Jawa Timur.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan berkata para pemimpin Umno juga telah diarahkan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya sentiasa mengadakan pertemuan dengan para pelajar di luar negara untuk mendekatkan mereka dengan perjuangan Umno.

Beliau berkata para pemimpin parti pembangkang juga sering membuat pertemuan serupa, malah mereka sanggup tinggal dengan para pelajar untuk menyebarkan pengaruh mereka.

"Oleh sebab itu kelab-kelab Umno harus kuat dan membuktikan Umno lebih mampu membangunkan negara dan melaksanakan tuntutan dalam ajaran Islam," katanya.

Ini terbukti apabila baru-baru ini negara-negara Islam termasuk dari Arab memilih Dr Mahathir menjadi jurucakap mereka dalam polemik antarabangsa yang membabitkan Islam dengan negara lain, katanya.

Khalil berkata kerajaan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pembangunan dan mewujudkan peluang pekerjaan agar para pelajar mempunyai masa depan yang terjamin dan tidak menyertai parti pembangkang setelah menamatkan pengajian.

Beliau juga menggesa para pelajar mendalami bidang teknologi maklumat dalam usaha mewujudkan lebih banyak profesional dan intelektual yang serba-boleh.

Katanya mereka yang mengambil jurusan lain seperti pendidikan agama juga perlu mempelajari bidang itu untuk meningkatkan profesionalisme mereka.

-- BERNAMA

OPP RHM